

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai cadangan atau perancangan untuk menaiktaraf Klinik Kesihatan Inanam yang semakin hari semakin ramai pengunjung dan tidak lagi dapat menampung keperluan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum akan pertambahan bilangan pesakit yang hadir di Klinik Kesihatan Inanam. KKM adalah dalam perancangan untuk membina Klinik Kesihatan yang baharu untuk menggantikan Klinik Kesihatan sedia ada. Walaubagaimanapun tapak klinik sedia ada tidak sesuai untuk pembinaan sebuah klinik gantian kerana tapak tanahnya dengan keluasan dua (2) ekar tidak membenarkan pembinaan bangunan tambahan. Keluasan berkenaan juga tidak sesuai untuk pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 3 lengkap dengan kuarters. KKM masih dalam peringkat mengenalpasti tapak yang bersesuaian untuk projek tersebut. Setelah

proses perolehan tanah selesai maka peruntukan bagi pembangunan akan dipohon selaras dengan polisi Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri, dimana proses pengambilan tanah perlu diselesaikan terlebih dahulu.

Walaupun bagaimanapun, setiap klinik kesihatan mempunyai kerja-kerja pembangunan projek-projek naiktaraf serta pembaikan yang diadakan dari semasa ke semasa. Semua projek-projek yang telah dirancang ini akan dapat membantu mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan yang sedia ada.